**Takaful:** Ia bermaksud satu konsep saling membantu antara peserta Takaful yang bersetuju untuk memberi caruman kepada **Dana Takaful Am (DTA)** yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada peserta Takaful atau penerima manfaat mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.

**Wakalah:** Ia bermaksud konsep Syariah di mana ejen akan dilantik bagi menjalankan dan menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermakna **Kami**, Zurich General Takaful Malaysia Berhad, dilantik sebagai pengurus untuk menguruskan urusan Takaful bagi pihak Peserta dengan caj Yuran Wakalah yang telah dipersetujui.

**Tabarru':** Ia bermaksud sumbangan dan dalam Takaful ia bermakna jumlah wang yang dicarumkan oleh peserta ke **DTA** secara sukarela bagi tujuan kerjasama dalam kalangan peserta. Ia akan digunakan untuk membantu peserta-peserta yang ditimpa musibah.

**Qard:** Ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit terhadap **DTA**. Pinjaman tersebut akan dibayar semula apabila **DTA** kembali kepada posisi lebihan.

**Hibah:** Ia bermaksud kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan. Sekiranya terdapat pengagihan lebihan yang diisytiharkan daripada **DTA** pada akhir tahun kewangan, 50% daripada lebihan akan dikongsi dengan Peserta yang layak berdasarkan kontrak Hibah.

<sup>1</sup>Hanya untuk peserta yang tidak membuat tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang manfaat di bawah setiap jenis perlindungan di bawah Sijil semasa ianya masih berkuatkuasa.

**Hibah Bersyarat:** Ia adalah kontrak hadiah bersyarat di mana peserta bersetuju untuk memindahkan pemilikannya ke atas manfaat Takaful untuk dibayar kepada penerima manfaat apabila **Orang Yang Dilindungi** meninggal dunia.

**Ju'alah:** Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan **DTA** di mana pengendali Takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian lebihan **DTA** pada akhir setiap tahun kewangan.

## SYARAT-SYARAT PENTING YANG PERLU DIPENUHI

Syarat-syarat berikut mestilah dipenuhi supaya **Kucing Anda** layak bagi mendapatkan perlindungan di bawah sijil ini:

1. **Anda** mestilah pemilik **Kucing**;
2. Haiwan peliharaan **Anda** mestilah **Kucing**; bukan di bawah baka yang diharamkan atau dihadkan oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Tempatan;
3. **Kucing Anda** bukan Haiwan Peliharaan Bekerja;
4. **Kucing Anda** bebas daripada **Kecederaan Badan** atau kecacatan fizikal pada **Tarikh Mula** sijil ini;
5. **Kucing Anda** sentiasa berada di bawah jagaan **Anda** atau **Keluarga Anda**;
6. **Kucing Anda** hanya boleh mendaftar untuk satu (1) sijil Oyen Takaful Kucing. Sekiranya **Kucing** yang sama dilindungi lebih daripada satu sijil di bawah Oyen Takaful Kucing, **Kami** tidak akan bertanggungjawab ke atas tuntutan yang sama di bawah lebih daripada satu (1) sijil. **Kami** akan membayar **Anda** di bawah sijil yang pertama kali dikeluarkan dan akan membayar balik apa-apa caruman pendua yang telah dibuat.
7. **Anda** mesti memberikan pensijilan kad perubahan daripada **Doktor Veterinar** dengan butiran **Kucing** dan pemiliknya termasuk nama dan gambar **Kucing** mereka melainkan ia telah di mikrocip.
8. Sijil ini tidak boleh dipindah milik kepada **Kucing** lain. Semua **Kucing** baharu adalah tertakluk kepada permohonan takaful baharu dan kadar caruman.
9. Seajar dengan caruman yang **Anda** perlu dibuat kepada **Kami**, **Kami** bersetuju untuk membayar **Anda** sehingga **Had Maksimum** seperti yang dinyatakan di dalam sijil ini berkenaan dengan sebarang **Penyakit** atau **Kecederaan Badan** yang berlaku semasa **Tempoh Takaful**.

## DEFINISI

Terdapat beberapa perkataan tertentu yang ditakrifkan seperti yang di bawah. Perkataan ini mempunyai maksud yang sama apabila digunakan dalam sijil ini. Perkataan ini telah **ditebalkan** dan bermula dengan huruf besar (contoh: **Kucing, Anda**).

### Kemalangan

bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan tanpa diduga kepada **Kucing Anda** dalam **Tempoh Takaful**.

### Tindakan Keganasan

bermaksud suatu tindakan, termasuk penggunaan kekerasan atau keganasan, mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak secara perseorangan atau bagi pihak atau berkaitan hubungan dengan mana-mana organisasi, untuk tujuan politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau membuatkan orang awam dalam ketakutan.

### Kecederaan Badan

bermaksud kecederaan secara semata-mata dan langsung akibat **Kemalangan** kepada **Kucing Anda** dan tidak termasuk kecederaan yang diakibatkan oleh sebarang penyakit, kesakitan atau masalah kesihatan.

### Kucing

bermaksud kucing yang telah diterangkan dan dinamakan dalam **Jadual Sijil**.

### Pemilik Sijil/Anda

bermaksud pemilik **Kucing** seperti yang dinamakan dalam **Jadual Sijil**.

### Jadual Sijil

bermaksud **Jadual sijil** yang mengandungi butiran **Anda, Kucing Anda**, pelan yang **Anda** pilih, jumlah yang dilindungi dan **Tempoh Takaful**. **Jadual Sijil** membentuk sebahagian daripada sijil ini.

### Keadaan

bermaksud sebarang **Kecederaan Badan** atau sebarang manifestasi **Penyakit**.

### Keadaan Kongenital

bermaksud keadaan yang wujud sejak lahir, sama ada diwarisi atau disebabkan oleh persekitaran, yang melibatkan sistem organ atau mana-mana bahagian badan yang tidak semestinya menunjukkan tanda-tanda atau gejala yang boleh menyebabkan atau menyumbang kepada **Penyakit**.

### Penolakan

bermaksud bahagian pertama daripada setiap satu tuntutan yang **Anda** perlu tanggung.

### Hilang Upaya

bermaksud sakit, wabak, **Penyakit** atau **Kecederaan Badan** yang timbul daripada satu atau beberapa sebab yang berterusan.

### Tarikh Mula

bermaksud tarikh perlindungan takaful mula berkuat kuasa seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**.

### Rawatan Elektif

bermaksud suatu **Rawatan** yang bermanfaat kepada **Kucing** tetapi tidak perlu untuk kelangsungan hidup.

### Keluarga

bermaksud satu (1) daripada pasangan **Anda**, anak-anak **Anda**, ibu bapa **Anda**, adik-beradik **Anda** atau saudara mara lain yang tinggal bersama dengan **Anda**.

### Benda asing

Mana-mana objek bukan makanan yang terdapat di dalam saluran pencernaan **Kucing**.

### Penyakit Keturunan

Sebarang penyakit yang dibuktikan, difikirkan atau dianggap oleh kesusasteraan atau pakar yang diiktiraf sebagai diwarisi atau terdedah secara genetik.

### Penyakit

bermaksud penyakit fizikal, kesakitan atau jangkitan yang dialami oleh **Kucing Anda** seperti yang didiagnosis oleh **Doktor Haiwan**.

### Had Maksimum

bermaksud jumlah yang ditunjukkan dalam Jadual Manfaat dalam **Jadual Sijil** adalah jumlah maksimum yang akan dibayar di bawah setiap seksyen sijil ini dalam **Tempoh Takaful**.

### Perlu dari Segi Perubatan

bermaksud perkhidmatan, **Bekalan** atau **Rawatan Perubatan** yang diberikan oleh **Doktor Haiwan** untuk merawat **Kucing** yang:

- konsisten dengan gejala atau diagnosis;
- sewajarnya dan menepati piawaian amalan veterinar yang diterima secara umum;
- bukan terutamanya untuk kesenangan **Pemilik Sijil, Doktor Haiwan Anda** atau penyedia lain; dan
- konsisten dengan tahap bekalan atau perkhidmatan yang sewajarnya yang boleh diberikan kepada haiwan peliharaan dengan selamat.
- bukan bersifat eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, pencegahan atau penyaringan.

### Tempoh Takaful

bermaksud tempoh masa **Kucing Anda** diberi perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil**.

### Portal

bermaksud laman web yang menyediakan maklumat produk dan perkhidmatan yang dikendalikan oleh Oyen Sdn.Bhd.

### Keadaan Sedia Ada

bermaksud sebarang **Keadaan**, gejala atau tanda sesuatu keadaan yang berlaku atau sedia ada dalam sebarang bentuk, atau komplikasi secara langsung yang disebabkan oleh atau berhubung dengan **Keadaan** sebelum **Tempoh Takaful**. Sesuatu **Keadaan** yang boleh dianggap sedia ada tidak kira sama ada:

- nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau **Rawatan** telah disyorkan untuk **Kucing** oleh seorang **Doktor Haiwan**;
- ia telah dirawat atau menerima **Rawatan** daripada seorang **Doktor Haiwan**;
- Kucing** itu diperlihatkan dengan gejala yang nyata dan tersendiri, simptom, kelainan atau kecacatan fizikal dan/atau haruslah jelas kepada **Pemilik Sijil** dalam apa jua keadaan.

**Pembaharuan**

bermaksud adalah **Jadual Sijil** yang telah diperbaharui tanpa sebarang luput masa apabila tamat tempoh **Jadual Sijil** sebelumnya dengan **Pemilik Sijil** dan **Kucing** yang sama.

**RM**

bermaksud dalam Ringgit Malaysia, mata wang Malaysia.

**Bekalan**

bermaksud sebarang bahan yang **Perlu dari Segi Perubatan**, seperti yang ditetapkan oleh **Doktor Haiwan**, yang selamat dan berkesan untuk kegunaan yang dicadangkan, dan ketiadaannya akan memberi kesan buruk kepada **Kucing**.

**Pembedahan**

bermaksud prosedur perubatan untuk merawat **Penyakit** dan **Kecederaan Badan** dengan pembedahan manual dan menggunakan peralatan. Prosedur yang dilakukan ke atas **Kucing Anda** oleh seorang **Doktor Haiwan**, dan dijalankan di dalam bilik pembedahan dengan menggunakan anestesia semasa dimasukkan ke klinik / hospital veterinar sebagai haiwan yang dirawat di dalam hospital atau pesakit luar.

**Bayaran Pembedahan**

bermaksud kos yang ditanggung untuk sebarang **Pembedahan** yang **Perlu dari Segi Perubatan**, yang dilakukan oleh **Doktor Haiwan Anda** ke atas **Kucing Anda** akibat **Penyakit** dan **Kecederaan Badan**, termasuk:

- a) bayaran sinar-X dan ujian makmal;
- b) bayaran bilik bedah;
- c) bayaran dan caj untuk anestesia dan oksigen yang diberikan;
- d) perbelanjaan pelbagai seperti ubat preskripsi, suntikan, pembalut dan perkhidmatan perubatan lain dan **Bekalan** berkaitan pembedahan.

**Cukai**

bermaksud sebarang cukai, levi atau duti langsung atau tidak langsung, masa kini atau masa depan, termasuk cukai penggunaan atau sebarang cukai sepertinya yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

**Rawatan**

bermaksud sebarang pemeriksaan dan rundingan, kemasukan hospital, **Pembedahan**, sinar-X, ubat, ujian diagnostik, khidmat penjagaan kejururawatan dan penjagaan dan prosedur lain yang munasabah dan biasa diamalkan oleh **Doktor Haiwan** untuk melegakan atau menyembuhkan kesakitan, **Penyakit** dan **Kecederaan Badan** sepanjang **Tempoh Takaful**, termasuk euthanasia, hanya untuk tujuan menamatkan hayat **Kucing Anda** adalah atas faktor perikemanusiaan bagi meringankan penderitaan akibat **Kecederaan Badan** atau **Penyakit** yang dilindungi.

**Doktor Haiwan**

Bermaksud doctor veterinar yang berdaftar dengan Majlis Veterinar Malaysia menurut Akta Doktor Veterinar 1974 dengan Perakuan Amalan Tahunan semasa yang sah atau permit sementara untuk berkhidmat di Malaysia, tetapi tidak termasuk **Doktor Haiwan** sendiri yang merupakan **Pemilik Sijil**.

**Bayaran Veterinar**

bermaksud kos **Rawatan Kucing Anda** atau perkhidmatan munasabah dan biasa diamalkan oleh seorang **Doktor Haiwan**. Jika **Kami** menganggap bayaran yang dikenakan sebagai berlebihan dan tidak munasabah, manfaat akan dilaraskan dan dibayar berdasarkan bayaran munasabah, lazim dan normal yang biasanya dikenakan untuk **Rawatan** atau perkhidmatan yang sama bagi **Keadaan** perubatan tersebut di tempat di mana caj dikenakan.

**Pakar Veterinar**

bermaksud seorang **Doktor Haiwan** yang telah menamatkan latihan tambahan dalam bidang perubatan veterinar tertentu dan telah lulus peperiksaan yang menilai pengetahuan dan kemahirannya dalam bidang khusus tersebut.

**Tempoh Tangguh**

bermaksud tempoh empat belas (14) hari pertama dari **Tarikh Permulaan** tempoh sijil pertama apabila **Penyakit** yang dialami atau gejala atau tanda ditunjukkan. Tempoh ini hanya akan berkuat kuasa apabila seekor **Kucing** dilindungi buat kali pertama dan tidak akan diguna pakai selepas tahun pertama perlindungan. Walau bagaimanapun, jika terhentinya perlindungan takaful, tempoh tangguh akan dikenakan sekali lagi.

**Peperangan**

bermaksud suatu aktiviti kekerasan antara dua (2) atau lebih negara, yang dijalankan bagi sebarang tujuan, atau konflik bersenjata antara kuasa berdaulat, atau permusuhan terbuka yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan dan permusuhan terbuka atau keadaan negara di mana terdapat gangguan perhubungan aman, dan perbalahan umum menggunakan kekerasan, yang kedua-duanya dibenarkan atau tidak dibenarkan oleh pemerintahnya.

**Kami**

merujuk kepada Zurich General Takaful Malaysia Berhad.

**Haiwan Peliharaan Bekerja**

bermaksud mana-mana haiwan peliharaan yang terlibat dalam aktiviti selain daripada menemani atau membantu, termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan, pembiakan, penguatkuasaan undang-undang, kawalan atau untuk kegunaan komersial yang lain.

## PERLINDUNGAN

### Manfaat Perubatan

#### Seksyen 1 - Bayaran Veterinar dan Bayaran Pembedahan

Kami akan membayar balik kepada Anda semua Bayaran Veterinar dan Bayaran Pembedahan yang ditanggung dalam Tempoh Takaful untuk Hilang Upaya sehingga Had Maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Sijil.

Bahagian ini juga merangkumi mana-mana tempoh klinik bermalam dan Rawatan susulan untuk Kucing Anda, sehingga jumlah malam / hari berdasarkan kepada pelan yang dipilih, dari tarikh pertama Hilang Upaya berlaku, yang mana ini termasuk rundingan susulan, perkhidmatan diagnostik dan makmal, pemeriksaan dan penyiasatan seperti yang ditetapkan oleh Doktor Haiwan Anda.

Semua bil Bayaran Veterinar dan Bayaran Pembedahan, yang diserahkan kepada Kami dalam jumlah hari, berdasarkan pelan yang dipilih, dari tarikh pertama Hilang Upaya berlaku, akan digabungkan untuk mengira amaun Penolakan Setiap Tuntutan yang perlu Anda bayar.

Bil Bayaran Veterinar dan Bayaran Pembedahan berikutnya, yang diserahkan kepada Kami melebihi jumlah hari, berdasarkan pelan yang dipilih, dari tarikh pertama Hilang Upaya yang sama berlaku, akan dianggap sebagai Hilang Upaya baru, dan Penolakan Setiap Tuntutan akan dikira secara sewajarnya.

Penolakan Setiap Tuntutan yang terpakai untuk Manfaat Seksyen 1, bermaksud sepuluh peratus (10%) atau RM satu ratus (RM 100) (yang mana lebih tinggi) yang pertama yang perlu Anda bertanggung untuk setiap Hilang Upaya.

#### Syarat-syarat Khas yang berkenaan dengan Seksyen 1:

Rawatan susulan mestilah disebabkan secara langsung oleh Hilang Upaya yang dirawat oleh Doktor Haiwan.

### Manfaat-Manfaat Lain

#### Seksyen 2 – Perbelanjaan Pengebumian

Kami akan membayar balik kos sehingga Had Maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Sijil bagi perbelanjaan pengebumian dan/atau caj pengendalian klinik/hospital veterinar atau penyedia perkhidmatan untuk pengendalian mayat Kucing Anda dalam Tempoh Takaful.

#### Syarat-syarat Khas yang berkenaan dengan Seksyen 1 dan Seksyen 2:

Kami tidak akan bertanggungjawab berkenaan dengan sebarang tuntutan untuk atau secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

1. Penolakan seperti yang dinyatakan pada Jadual Sijil Anda.
2. Keadaan Sedia Ada.
3. Penyakit berlaku semasa dalam Tempoh Tangguh.
4. Kos yang ditanggung untuk membeli sebarang alat bantuan, implan, prostesis termasuk alat mekanikal atau selainnya (termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin pengawasan, alat sorong dan lampin), sebarang bentuk penempatan atau katil termasuk sangkar dan sebarang rawatan paliatif.
5. Kos untuk sebarang rawatan yang berkaitan dengan:
  - (a) Keadaan Kongenital;
  - (b) latihan atau terapi untuk Penyakit tingkah laku;
  - (c) kriptorkidisme atau ovariohisterektomi;
  - (d) pergigian termasuk tetapi tidak terhad kepada prosedur pergigian, penyakit gigi, gusi dan penyakit periodontal, gingivitis, rawatan patah gigi, pembersihan/penskalaan, gigi, ortodontik, pemulihan pergigian kosmetik, penyakit sendi temporomandibular (TMJ) hypoplasia enamel, kebersihan atau penampilan gigi, penyingkiran gigi susu atau patah gigi atau sebarang penyakit mulut (kecuali Rawatan pergigian akibat Kemalangan);
  - (e) Terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti Rawatan, perkhidmatan perubatan atau bekalan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik, fisioterapi, hidroterapi, refleksologi, pembetulan tulang, Rawatan pakar herba,urut atau terapi aroma atau Rawatan alternatif lain.
  - (f) kehamilan, kelahiran atau pembiakan dan apa-apa komplikasi daripadanya;
  - (g) protesis pembedahan;
  - (h) pemindahan organ;
  - (i) Rawatan Elektif dan Pembedahan kosmetik.
6. Penginapan dan kemasukan hospital, Rawatan, ujian atau prosedur diagnostik yang tidak perlu.
7. Kos yang berkaitan dengan pendapat kedua jika Anda memutuskan untuk membawa Kucing Anda bagi mendapatkan Rawatan selanjutnya dari Doktor Haiwan yang lain untuk Penyakit atau Rawatan yang sama dari Pakar Veterinar.
8. Rawatan rutin dan berbentuk pencegahan termasuk dan tidak terhad kepada kos sebarang makanan dan/atau pemakanan tambahan haiwan peliharaan, pemvaksinan pencegahan, pengembirian, pengasian, pembuangan rutin kuku embun, pembasmian dan pengawalan kutu, Rawatan cacing gelang dan cacing pita, sengkunit, hama, dandanan dan pemotongan kuku atau sebarang kerumitan yang timbul daripada Rawatan tersebut.
9. Kos yang ditanggung untuk mengeluarkan Benda Asing yang ditelan oleh Kucing Anda.
10. Rawatan yang ditanggung selepas tamat tempoh Jadual Sijil yang mana tidak ada Pembaharuan seterusnya.
11. Nilai lebih daripada Had Maksimum.

#### Peruntukan Khas yang berkenaan dengan Seksyen 1 dan Seksyen 2:

Jika Kucing Anda berumur di bawah enam (6) tahun pada Tarikh Mula sijil pertama yang diisi, Kami akan melindungi Penyakit Keturunan yang dinyatakan berikut selepas dua belas (12) bulan berturut-turut dari Tarikh Mula sijil pertama, dengan syarat ia adalah bukan Keadaan Sedia Ada:

- (a) Displasia pinggul dan siku;
- (b) Patela luxating;
- (c) Glaukoma;
- (d) Penyakit mata Cherry;
- (e) Penyakit saraf kejepit pada tulang belakang (IVDD); dan
- (f) Keadaan yang memerlukan pemotongan kepala dan leher femur.

Penyakit Keturunan lain yang tidak dinyatakan di atas tidak akan dilindungi.

### Seksyen 3 – Liabiliti Pihak Ketiga

**Kami** akan membayar **Anda** sehingga **Had Maksimum** yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** termasuk semua kos dan perbelanjaan guaman yang ditanggung dengan kebenaran bertulis daripada **Kami** untuk pembelaan dan penyelesaian sebarang tuntutan bagi mana-mana satu tempoh **Jadual Sijil** sekiranya **Anda** dan **Keluarga Anda** bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk membayar ganti rugi untuk:

- a) **Kecederaan akibat Kemalangan** kepada pihak ketiga yang disebabkan oleh **Kucing Anda**; dan/atau
- b) Kerosakan tidak sengaja kepada harta benda kepunyaan pihak ketiga yang disebabkan oleh **Kucing Anda** dalam **Tempoh Takaful** di Malaysia.

#### Syarat-syarat Khas yang berkenaan dengan Seksyen 3:

1. **Anda** mesti memberitahu **Kami** tentang sebarang kejadian yang boleh mengakibatkan tuntutan.
2. **Anda** mesti menyerahkan kepada **Kami** sebarang writ, saman, dokumen undang-undang atau komunikasi lain yang **Anda** terima dengan serta-merta.
3. **Anda** tidak boleh mengaku bertanggungjawab atau membuat sebarang tawaran atau menjanjikan bayaran atau berunding tanpa kebenaran bertulis daripada **Kami**.
4. **Anda** tidak boleh membalas sebarang komunikasi yang **Anda** terima tanpa kebenaran **Kami**.

#### Syarat-syarat Khas yang berkenaan dengan Seksyen 3

1. **Penolakan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil Anda**.
2. Kehilangan atau kerosakan kepada harta benda kepunyaan, di bawah jagaan, pegangan atau kawalan **Anda** atau **Keluarga Anda** atau sesiapa yang tinggal dengan **Anda** atau di bawah perkhidmatan **Anda**.
3. **Kecederaan akibat kemalangan** atau **Penyakit** yang dialami oleh **Anda**, **Keluarga Anda**, atau sesiapa yang tinggal dengan **Anda** atau di bawah perkhidmatan **Anda**.
4. Sebarang tuntutan jika seseorang mengalami **Penyakit** atau dijangkiti virus secara langsung atau tidak langsung daripada **Kucing Anda**.
5. Denda, penalti, surcaj atau bayaran lewat.
6. Ganti rugi punitif, luar biasa atau teladan.
7. Sebarang tuntutan yang timbul daripada atau melibatkan **Kucing Anda** yang berada di mana-mana tempat yang dilarang. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada pelanggaran sebarang undang-undang, peraturan, surat ikatan perjanjian bersama atau peruntukan undang-undang.
8. Sebarang tuntutan yang timbul daripada kejadian yang ada kaitan dengan profesion, pekerjaan atau perniagaan **Anda**.
9. Sebarang liabiliti yang **Anda** tanggung di bawah sebarang kontrak atau perjanjian melainkan liabiliti sedemikian akan ditanggung walaupun tanpa perjanjian tersebut.
10. Keputusan mahkamah kali pertama yang tidak dibuat oleh atau diperolehi daripada mahkamah dengan bidang kuasa sah di Malaysia

#### PENGECUALIAN (BERKENAAN DENGAN SELURUH SIJIL)

**Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. **Keadaan Sedia Ada** dan **Keadaan Kongenital**.
2. Pengionan radiasi daripada atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear atau bahan nuklear.
3. Perperangan, perang saudara – sama ada perang diisytiharkan atau tidak.
4. Mana-mana perbuatan keganasan.
5. Sekatan - **Kami** tidak akan dianggap memberikan perlindungan atau membuat apa-apa pembayaran atau menyediakan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada **Pemilik Sijil**, atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, manfaat tersebut akan melanggar mana-mana undang-undang sekatan perdagangan atau ekonomi yang terpakai atau peraturan.
6. Pelupusan **Kucing Anda** yang diharamkan atau dilarang atau dianggap berbahaya atau akibat penyembelihan sengaja oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Tempatan.
7. **Kecederaan Badan** disebabkan penganiayaan, niat jahat atau disengajakan atau kecuai **Anda** atau mana-mana ahli **Keluarga Anda** atau mana-mana pekerja atau pekerja kontrak **Anda** terhadap **Kucing Anda**.
8. **Kemalangan** yang ada kaitan dengan penggunaan **Kucing Anda** untuk tujuan komersial, pekerjaan, profesional atau perniagaan/perdagangan termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan, pembiakan, penguatkuasaan undang-undang atau kawalan.
9. **Kucing Anda** yang tidak dinamakan dalam **Jadual Sijil**.
10. Sebarang tuntutan yang berlaku jika **Kucing Anda** tidak termasuk dalam syarat kelayakan.
11. Sebarang tuntutan yang berlaku di luar Malaysia.
12. Sebarang tuntutan yang melibatkan **Kucing Anda** yang tidak dapat dikenal pasti secara tetap dan positif melalui rekod yang dapat dikenal pasti.
13. Sebarang tuntutan untuk **Rawatan** yang diberikan oleh mana-mana individu/orang selain daripada **Doktor Haiwan**.
14. Epidemik dan/atau Pandemik termasuk sebarang **Penyakit** pandemik yang diisytiharkan yang menyebabkan **Penyakit** tersebar luas menjejaskan haiwan peliharaan.

#### SYARAT

##### 1. HAD UMUR

- a) **Anda** mestilah sekurang-kurangnya berumur lapan belas (18) tahun (umur merujuk kepada umur hari lahir **Anda** yang seterusnya).
- b) **Kucing Anda** mestilah berumur antara dua belas (12) minggu hingga sepuluh (10) tahun pada **Tarikh Mula Jadual Sijil** ini. Dan boleh diperbaharui sehingga umur maksimum tiga belas (13) tahun.
- c) **Kucing Anda** telah menerima pemvaksinasi teras selaras dengan saranan **Doktor Haiwan** bertaualiah di Malaysia.

##### 2. PENGUBAHAN

**Kami** berhak untuk meminda caruman, terma dan syarat sijil induk ini dan sebarang perubahan kepada sijil ini adalah dianggap sah jika dibenarkan oleh **Kami** dan diendoskan ke atasnya. **Kami** akan memberikan notis bertulis kepada alamat terakhir **Pemilik Sijil** yang diketahui dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perubahan syarat dan terma sijil ini dengan alasan yang sah.

##### 3. PENIMBANGTARA

Segala percanggahan yang timbul daripada sijil ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh **Kami** terhadap sebarang tuntutan di bawah sijil ini mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.

#### 4. PENAMATAN AUTOMATIK

**Jadual Sijil** akan tamat secara automatik pada tarikh kejadian-kejadian berikut, yang mana lebih awal:-

- i. pada tarikh sijil dibatalkan; atau
- ii. pada tarikh **Pembaharuan** seterusnya jika **Kucing** mencapai had umur maksimum pada umur tiga belas (13) tahun;
- iii. pada kematian **Kucing Anda**;
- iv. pada tarikh **Pembaharuan** seterusnya atau tarikh tamat caruman seterusnya, yang mana lebih awal, jika caruman yang diperlukan tidak dibuat.

Penamatan sijil ini hendaklah tanpa menjejaskan sebarang tuntutan yang timbul sebelum penamatan tersebut. Pembayaran atau penerimaan sebarang caruman di bawah ini selepas penamatan sijil ini tidak akan mewujudkan sebarang liabiliti tetapi **Kami** akan memulangkan sebarang caruman tersebut.

#### 5. PEMBATALAN

##### 5.1 Pembatalan oleh **Anda**

**Anda** boleh membatalkan sijil **Anda** pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada **Kami**.

Pembatalan jika tiada tuntutan dibuat:

- a) Dengan syarat tiada tuntutan dibuat, jika **Anda** membatalkan sijil dan **Anda** telah membayar caruman tahunan sepenuhnya, **Kami** akan membayar balik caruman ditolak jumlah yang meliputi tempoh takaful **Kucing Anda** yang telah dilindungi.
- b) Jika **Anda** telah membayar caruman **Anda** secara ansuran, tiada bayaran balik caruman (termasuk baki hari tempoh ansuran semasa).

Pembatalan selepas tuntutan dibuat:

Jika **Anda** membatalkan sijil **Anda** selepas membuat tuntutan, tiada bayaran balik caruman perlu dibayar dan baki caruman untuk tempoh sijil tersebut mesti dibayar jika ia belum dibayar. Sebarang caruman tertunggak akan dicaj ke akaun bank **Anda** yang dinamakan. Klausula ini kekal selepas penamatan kontrak ini.

##### 5.2 Pembatalan oleh **Kami**

- a) **Kami** boleh pada bila-bila masa membatalkan sijil **Anda** dengan menghantar notis empat belas (14) hari secara bertulis ke alamat terakhir **Anda** yang diketahui melalui mel berdaftar atau mel elektronik.
- b) Sebarang bayaran balik caruman untuk sama ada (a) atau (b) di atas akan bergantung kepada perlindungan takaful yang telah berkuat kuasa dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh semasa **Tempoh Takaful** sijil ini.
- c) Jika **Kami** membatalkan sijil ini kerana penipuan, **Kami** mungkin tidak membayar balik sebarang kepada **Anda**.

#### 6. TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN

- a) Adalah menjadi asas dan syarat khas mutlak kontrak takaful ini bahawa caruman yang perlu dibayar untuk **Jadual Sijil** mesti dibuat dan diterima oleh **Kami** sebelum perlindungan takaful berkuat kuasa.
- b) **Anda** boleh memilih untuk membuat caruman secara tahunan atau mengikut mod ansuran bulanan. Apabila caruman dibuat secara ansuran, tuntutan dibayar tertakluk kepada **Anda** bersetuju untuk membuat baki caruman untuk tempoh sijil tersebut.
- c) Apabila **Anda** telah memilih untuk membuat caruman secara ansuran dan **Kami** tidak berjaya mendebit akaun bank **Anda** yang dinamakan, **Kami** akan menghantar kepada **Anda** notis bertulis mengenai ketidakbayar **Anda** dan membatalkan sijil **Anda** kerana tidak membayar.
- d) **Kami** berhak untuk menamatkan sijil sekiranya terdapat kemungkiran dalam pembayaran ansuran. Dan dalam kes sedemikian, tiada manfaat akan dibayar di bawah sijil.

#### 7. PERUBAHAN ALAMAT ATAU BUTIR-BUTIR ATAU PERUBAHAN BAHAN

**Anda** hendaklah memberi notis segera kepada **Kami** tentang sebarang perubahan dalam alamat surat-menyurat **Anda**, atau butiran hubungan atau sebarang perubahan perubatan atau sebarang maklumat berkaitan yang berkaitan dengan **Kucing Anda** yang akan menjejaskan profil risiko **Kucing Anda**. Sebelum setiap **Pembaharuan** sijil, **Anda** mesti memberitahu **Kami** secara bertulis tentang sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau kelemahan **Kucing Anda** yang mana **Anda** telah terjejas atau mempunyai pengetahuan tentangnya.

#### 8. SYARAT TERDAHULU KEPADA LIABILITI

Pematuhan sewajarnya dan pemenuhan terma, peruntukan dan syarat sijil ini oleh **Anda** setakat mana ia berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau tidak boleh dilakukan atau dipatuhi oleh mereka hendaklah menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti **Kami**.

#### 9. MATAWANG DAN KADAR PERTUKARAN

- i. Semua pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
- ii. Semua caruman hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia (**RM**).

#### 10. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Takaful Pengguna - **Anda** telah memohon sijil takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan **Anda**, perniagaan atau profesion **Anda**. **Anda** mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan sijil takaful ini) seperti contoh, **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan sijil takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan **Jadual Sijil Anda** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. **Anda** juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas **Jadual Sijil Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Takaful Bukan Pengguna - Apabila **Anda** telah memohon sijil takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan **Jadual Sijil Anda**, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan **Jadual Sijil Anda**. **Anda** juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas **Jadual Sijil Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

#### 11. UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIPAKAI

Sebarang penafsiran sijil induk ini berkaitan dengan pembinaannya, kesahan atau operasi hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

#### 12. BAHASA

Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

#### 13. SALAH NYATA ATAU KETINGGALAN FAKTA PENTING

Jika:

- (a) sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang **Pemilik Sijil** berikan, sebelum kontrak takaful ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
- (b) sebelum kontrak takaful ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, **Pemilik Sijil** gagal mendedahkan apa-apa fakta yang **Pemilik Sijil** ketahui yang berkaitan dengan keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
- (c) apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.

#### 14. DISKAUN TANPA TUNTUTAN ("NCD")

(terpakai kepada sijil dengan bayaran caruman tahunan sahaja)

Sekiranya tiada tuntutan dibuat atau timbul di bawah sijil ini dalam **Tempoh Takaful** yang dinyatakan di bawah sebaik sebelum **Pembaharuan** sijil takaful ini, caruman **Pembaharuan** hendaklah dikurangkan seperti berikut:

| <b>Tempoh Takaful</b>                           | <b>Diskaun</b> |
|-------------------------------------------------|----------------|
| Tahun sebelumnya                                | 5%             |
| Dua tahun berturut-turut sebelumnya             | 10%            |
| Tiga tahun berturut-turut sebelumnya atau lebih | 15%            |

Sekiranya berlaku tuntutan, NCD akan dikurangkan kepada sifar pada **Pembaharuan** sijil seterusnya. Jika terdapat lebih daripada satu **Kucing** yang disebutkan dalam **Jadual Sijil** atau dilindungi dengan **Kami** di bawah sijil berasingan, NCD akan diguna pakai sekiranya **Sijil Takaful** berasingan telah dikeluarkan berkenaan dengan setiap **Kucing** tersebut.

Jika tuntutan diterima selepas NCD telah dipohon, **Kami** berhak untuk mendapatkan semula NCD yang diberikan daripada **Anda**.

#### 15. TIDAK BOLEH MENYERAH HAK

Sijil ini tidak boleh diserahkan hak dan **Kami** tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang caj amanah, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan sijil ini. Sebarang penerimaan atau pelepasan yang diberikan oleh **Anda** kepada **Kami** untuk apa-apa jumlah yang dilindungi atau pampasan di bawah sijil ini akan dianggap pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan **Kami** terhadap sebarang dan setiap kecederaan atau kejadian luar jangka (termasuk kematian) yang dialami oleh **Anda** disebabkan tuntutan sama ada yang berlaku sebelum atau selepas tarikh penerimaan atau pelepasan tersebut.

#### 16. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada **Kami** hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada **Kami**. Perubahan kepada terma sijil ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah kecuali ditandatangani atau diparap oleh wakil sah **Kami**.

#### 17. SIJIL DINAIK TARAF

Jika manfaat yang layak kepada mana-mana **Kucing** di bawah terma-terma sijil ini ditambah semasa ia berkuat kuasa atau pada masa **Pembaharuan** atau penggantian dan jika **Kucing** tersebut telah mengalami **Keadaan** sebelum atau pada masa manfaat itu telah ditambah, **Had Maksimum** yang perlu dibayar berkenaan dengan **Keadaan** tersebut tidak boleh melebihi **Had Maksimum** sebelum tarikh manfaat dinaik taraf.

#### 18. PENGAMBILALIHAN SIJIL

Jika sijil ini telah dimulakan serta-merta selepas penamatan sijil terdahulu dan jika **Kucing** telah mengalami **Keadaan** sebelum atau pada masa sijil ini bermula (dan manfaat di bawah sijil terdahulu akan tersedia kepada **Kucing**), **Kucing** hendaklah terus dilindungi untuk **Syarat** sedia ada, sehingga had sijil terdahulu atau had sijil ini yang mana lebih rendah, dengan syarat **Kami** telah memperoleh salinan sijil terdahulu.

#### 19. PEMBAHARUAN

Apabila **Kami** menjemput **Anda** untuk memperbaharui sijil **Anda**, **Kami** mungkin mengubah caruman, perlindungan, terma dan syarat yang **Kami** anggap perlu atas sebab-sebab yang mungkin merangkumi usia, sejarah perubatan dan peningkatan kos penjagaan untuk **Kucing Anda**. **Kami** akan memberitahu **Anda** dengan notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh **Pembaharuan**. Bayaran caruman **Anda** yang berterusan setelah **Kami** memberikan notis tersebut bermaksud **Anda** menerima perubahan tersebut.

#### 20. HAD WILAYAH

**Kucing** hanya akan dilindungi di bawah sijil ini semasa **Kucing** menetap di Malaysia.

#### 21. REKOD

**Anda** bersetuju untuk memberikan rekod vaksin atau kesihatan haiwan yang dipunyai oleh **Doktor Haiwan** berkenaan dengan kelayakan **Kucing Anda** dalam tempoh empat belas (14) hari dari mengambil sijil ini. Kegagalan untuk memberikan rekod dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan sijil tidak sah dan **Anda** berhak mendapat bayaran balik caruman.

#### 22. MASTAUTIN

**Kucing Anda** mesti tinggal secara tetap bersama **Anda** yang beralamat di Malaysia seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** semasa sijil berkuat kuasa.

#### 23. PEMERIKSAAN PERUBATAN

**Kami** mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa **Kucing** melalui wakil **Doktor Haiwan Kami** dalam tempoh masa mana-mana tuntutan.

#### 24. CARUMAN

Jika tuntutan di bawah sijil ini dilindungi oleh mana-mana sijil takaful lain, **Kami** tidak akan membayar lebih daripada bahagian proporsi **Kami**.

#### 25. BAYARAN TUNTUTAN

Melaikan dinyatakan sebaliknya dalam sijil ini, semua manfaat yang perlu dibayar di bawah **Jadual Sijil** hendaklah dibuat kepada **Anda**.

#### 26. PROSEDUR TUNTUTAN

Jika berlaku apa-apa yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah sijil ini, **Anda** hendaklah, secepat mungkin dan dalam apa jua kes dalam masa tujuh (7) hari selepas **Kemalangan** atau **Penyakit** kepada **Kucing Anda**, maklumkan **Portal Oyen Sdn Bhd** melalui e-mel kepada [claims@oyen.my](mailto:claims@oyen.my)

## 27. BUKTI KEHILANGAN

Berikut hendaklah dikemukakan kepada **Kami**:

- borang tuntutan / e-pemberitahuan tuntutan yang lengkap;
- maklumat, bukti dan/atau dokumen sokongan termasuk resit, sijil perubatan atau laporan perubatan yang **Kami** mungkin perlu dibekalkan atas perbelanjaan **Anda**;
- persetujuan bertulis **Anda** untuk membenarkan **Kami** menerima keputusan mana-mana pemeriksaan dan/atau ujian perubatan dan/atau sejarah atau rekod perubatan **Kucing Anda**;
- salinan sijil kad perubatan **Kucing Anda**;
- apa-apa maklumat lain yang **Kami** anggap perlu.

Semua dokumen dan bil asal yang berkaitan mesti dikemukakan bersama dengan borang tuntutan / e-pemberitahuan tuntutan yang lengkap.

## 28. TUNTUTAN TIDAK LENGKAP

Semua tuntutan mesti dikemukakan kepada **Kami** dalam tempoh tujuh (7) hari selepas selesai peristiwa yang tuntutan itu dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan manfaat yang layak tidak perlu dibayar melainkan semua bil untuk tuntutan tersebut telah dikemukakan dan dipersetujui oleh **Kami**. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Sebarang variasi atau penepian perkara di atas adalah mengikut budi bicara **Kami** sepenuhnya.

## 29. HAD PAMPASAN

**Kucing Anda** hanya boleh didaftarkan untuk satu (1) sijil Oyen Takaful Kucin. Sekiranya **Kucing** yang sama dilindungi lebih daripada satu sijil di bawah Oyen Takaful Kucing, **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk tuntutan yang sama di bawah lebih daripada satu sijil. **Kami** akan membayar **Anda** di bawah sijil yang pertama kali dikeluarkan dan akan membayar balik sebarang caruman pendua yang telah dibuat.

## 30. PERLEPASAN

**Kami** tidak akan membayar lebih daripada jumlah manfaat yang ditunjukkan dalam setiap bahagian termasuk cukai jika ini terpakai. Penerimaan apa-apa manfaat yang perlu dibayar oleh **Anda** hendaklah dalam semua kes menunaikan liability **Kami** dengan berkesan.

## 31. CUKAI

Semua caruman dan yuran yang perlu dibuat di dalam Sijil induk mungkin dikenakan **Cukai**. Jika dikenakan, **Cukai** akan dinyatakan dalam invoice dan **Kami** berhak untuk menuntut atau mengutip **Cukai** daripada **Anda** selain daripada caruman dan/atau yuran yang perlu dibuat di dalam sijil induk ini.

32. Mengikut kesesuaian konteks, perkataan yang merujuk nombor tunggal hendaklah termasuk kata gandaan dan sebaliknya dan perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk wanita dan jantina neuter dan perkataan yang merujuk kepada perseorangan hendaklah termasuk badan korporat.

## PENGURUSAN JUMLAH KECIL

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika **Anda** membuat keputusan sebaliknya, **Anda** perlu mengemukakan permohonan formal kepada **Kami**. **Kami** mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah **Kami**.

## PERJANJIAN (AQAD)

**Kami** akan menguruskan caruman Takaful **Anda** dengan mengenakan Yuran Wakalah (yang ditetapkan dalam Lembaran Pendedahan Produk (LPP)) seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya dimasukkan ke dalam **Dana Takaful Am (DTA)** berdasarkan Tabarru' (sumbangan). Jika terdapat lebihan bersih di dalam **DTA** pada akhir **Tempoh Takaful** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** yang dilampirkan bersama sijil, 50% daripada lebihan bersih tersebut akan dikongsi antara **Orang Yang Dilindungi** yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah kelas risiko yang sama seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Sijil** tersebut sementara sijil tersebut berkuatkuasa berdasarkan Hibah (hadiah), manakala **Kami** berhak ke atas baki 50% daripada lebihan bersih berdasarkan Ju'alah (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan **DTA**.

Semua **Orang Yang Dilindungi** runcit yang tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Semua **Orang Yang Dilindungi** korporat yang tidak membuat tuntutan melebihi 30% daripada jumlah caruman semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Kelayakan dan jumlah lebihan yang akan diagihkan adalah berasaskan kepada cadangan yang dibuat oleh Aktuari **Kami** Yang Bertanggungjawab dan diendors oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

Sekiranya baki tidak mencukupi dalam **DTA** untuk membayar manfaat Takaful **Anda** dalam **Tempoh Takaful**, **Kami** akan menampung baki dalam **DTA** di bawah prinsip Qard (pinjaman tanpa faedah) dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan kecuaiian **Kami**. Jika kekurangan itu berlaku kerana kecuaiian **Kami**, maka **Kami** akan membuat pindahan langsung untuk menampung kekurangan tersebut. Lebihan masa depan yang timbul daripada **DTA** dalam tempoh takaful boleh digunakan untuk membayar Qard yang belum dijelaskan dalam **DTA** (jika ada) kepada **Kami**.

## PENTING

**Pemilik Sijil** hendaklah membaca sijil ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau salah keterangan ditemui di dalam ini, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak **Pemilik Sijil**, sila maklumkan kepada **Kami** dengan serta-merta dan sijil dipulangkan untuk perhatian **Kami**.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN TAKAFUL

Sila semak sijil takaful untuk memastikan ia memenuhi keperluan **Pemilik Sijil**.

Untuk mengelakkan salah faham, sijil, **Jadual Sijil**, dan sebarang pengendoursan yang dilampirkan di dalamnya hendaklah dibaca dengan teliti. Jika **Pemilik Sijil** mempunyai sebarang aduan atau rungutan berkaitan sijil induk, sila hubungi ejen **Pemilik Sijil**, jika ada atau hubungi pejabat pengeluaran **Kami**. **Kami** memberi jaminan bahawa aduan **Pemilik Sijil** akan diberi perhatian dengan segera. Sebagai pengendali takaful yang bertanggungjawab, **Kami** ingin memaklumkan **Pemilik Sijil** bahawa **Pemilik Sijil** juga boleh mengemukakan ketidakpuasan hati **Pemilik Sijil** kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) atau kepada Pusat Perhubungan (BNMLINK) dari Bank Negara Malaysia seperti yang disenaraikan di bawah.

#### Prosedur mengemukakan aduan kepada FMOS

Jika **Pemilik Sijil** tidak berpuas hati dengan keputusan **Kami**, **Pemilik Sijil** boleh menulis surat kepada Pengantara dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat sijil induk ini.

Jika keputusan Pengantara memihak kepada **Pemilik Sijil** berbanding **Kami**, **Pemilik Sijil** dikehendaki memaklumkan Pengantara sama ada **Pemilik Sijil** menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari.

Jika **Pemilik Sijil** tidak setuju dengan bayaran tersebut, **Pemilik Sijil** boleh menolak keputusan Pengantara. **Pemilik Sijil** bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap **Kami** atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

**Pemilik Sijil** boleh menghubungi **Kami** di:

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,

KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000

Faks: 03-2109 6888

Pusat Panggilan: 1-300-888-622

Emel: [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my)

**Pemilik Sijil** boleh berhubung dengan FMOS di:

**Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

(dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel: 603-2272 2811

Laman web: [www.fmos.org.my](http://www.fmos.org.my)

#### Prosedur mengemukakan aduan kepada Pusat Penghubungan (BNMLINK)

Sebagai alternatif, **Pemilik Sijil** juga boleh menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pengendalian **Kami** dengan menulis surat kepada BNMLINK untuk memberikan butiran aduan dan maklumat sijil induk ini kepada:

Secara Bertulis:

**Bank Negara Malaysia**

**BNMLINK**

4th Floor, Podium Bangunan AICB,

No. 10, Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465

[bnm.gov.my/BNMLINK](http://bnm.gov.my/BNMLINK)

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**

No. Pendaftaran 201701045981 (I260157-U)

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,

KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000

Faks: 03-2109 6888

Pusat Panggilan: 1-300-888-622

[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

